

14 JUN 1998

MALAYSIA ADA POTENSI JADI PUSAT UNTUK PEMAIN BADMINTON BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Malaysia ada potensi menjadi pusat latihan bagi pemain-pemain badminton bertaraf dunia dengan pembukaan Pusat Reket Dunia (WRC), sebuah pusat latihan berkonsepkan suasana percutian untuk sukan reket terutama badminton, di sini, hari ini.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Ali berkata WRC dilengkapi dengan pelbagai kemudahan latihan bertaraf dunia, kursus dan program mengenai badminton yang akan dikendalikan oleh jurulatih berkelayakan bertaraf antarabangsa.

Bercakap kepada pemberita selepas membuka pusat itu di Country Heights dekat Kajang, Siti Hasmah yang juga penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) berkata WRC adalah sebuah pusat latihan yang ideal, yang turut menawarkan penginapan, kemudahan dan perkhidmatan terbaik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, Presiden Konfederasi Badminton Asia (ABC) Korn Dabbaransi, naib Presiden Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) Datuk Punch Gunalan dan Pengarah Urusan Country Heights Tan Sri Lee Kim Yew adalah antara kenamaan yang hadir pada majlis pembukaan pusat itu.

Siti Hasmah berkata dengan keadaan kegawatan ekonomi sekarang adalah wajar bagi WRC memasarkan juga teknologi sukannya ini kepada negara-negara lain di dunia.

-- BERNAMA

AKT ZB